



Rohani melancarkan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam sambil diperhatikan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Shamsun Baharin Mohd Jamil (tengah) di Putrajaya, semalam.

PELANCARAN
EKOSISTEM KONDUSIF
SEKTOR AWAM (EKSA)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

DIRASMIKAN OLEH :

DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM

20 JANUARI 2017 (JUMAAT)

Polis tahan pengurus, tiga pembantu taska

BH
21/1/17
ms 7

Perak nafi luluskan projek JELAS

Bagan Datuk: Kerajaan Perak menafikan memberi kelulusan kepada projek Lebuhraya Jelapang-Selama-Batu Kawan (JELAS), kononnya akan dilaksanakan sebuah syarikat swasta, yang perasmianya dilakukan petang kelmarin.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata kerajaan negeri tidak tahu menahu dan tidak dimaklumkan mana-mana pihak termasuk Kerajaan Persekutuan dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mengenai kelulusan projek itu yang didakwa dimasukkan dalam pelan rancangan tempatan Majlis Daerah Selama.

"Saya sendiri menghubungi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahalan, yang menafikan projek itu diluluskan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan tidak mahu namanya dikaitkan dengan perasmian terbabit.

"Malah, saya difahamkan LLM ada membuat laporan polis terhadap syarikat terbabit malam kelmarin (di Pulau Pinang) kerana menggunakan logo LLM ketika 'majlis perasmian' itu," katanya.

Beliau mengulas program perasmian projek berkenaan yang dilakukan di padang Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Perak di Gopeng, petang kelmarin.

→ Pengusaha boleh didenda RM50,000, penjara 20 tahun jika sabit kesalahan

Oleh Safeek Affendy Razali, Siti Azila Alias, Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bharian.com.my

► Kajang

Seorang pengurus taska bersama tiga pembantu-nya, ditahan polis di Bandar Baru Bangi semalam, untuk siasatan berhubung kes penderaan bayi dalam jagaan mereka, yang viral menerusi media sosial sejak kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Othman Nanyan, berkata tiga pembantu berusia 24 dan 25 tahun itu ditahan Jabatan Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) Polis Kajang di taska terbabit pada jam 4.20 petang.

Beliau berkata, polis kemudian menyerbu rumah di Pangsapuri Kajang Prima dekat Bandar Baru Bangi pada jam 5 petang, sebelum menahan pengurus taska berkenaan yang juga seorang wanita berusia 46 tahun.

“Semua tangkapan dibawa ke

Ibu Pejabat Polis (IPD) Kajang untuk siasatan lanjut. Siasatan kes akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (DPP) pada Isnin ini untuk arahan lanjut,” katanya dalam kenyataan semalam.

Othman berkata, bayi yang terbabit dalam kejadian itu sudah dihantar untuk menjalani pemeriksaan perubatan di hospital, tetapi tidak menemui kesan kecederaan fizikal.

Sekeping gambar memaparkan tiga bayi diikat pada mulut dan badan masing-masing, didakwa menjadi mangsa dera ketika dalam jagaan sebuah taska di Bandar Baru Bangi di sini, viral di media sosial sejak kelmarin.

Perbuatan itu didakwa dilakukan dua pembantu pusat berkenaan, menggunakan ‘kaedah’ mengikat mulut, tangan serta kaki bayi, kononnya untuk mendiamkan dan mengelak orang luar mendengar tangisan mereka.

Tindakan lebih tegas

Sementara itu di Putrajaya, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abd Karim, berkata penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 sejak 1 Januari lalu, membolehkan tindakan lebih tegas diambil terhadap pengusaha taska yang dikesan mendera kanak-kanak dalam jagaan mereka.

Beliau berkata, pindaan akta itu menjelaskan prosedur operasi standard (SOP) yang perlu

dipatuhi pengasah taska, walaupun mereka boleh menambah baik SOP yang ada dalam akta berkenaan, namun ia mestilah mengekalkan perkara asas.

“Dalam SOP ini, sudah jelas kita tidak boleh mendera atau mengikat kaki, tangan dan mulut kanak-kanak berkenaan. KPWKM sudah menghantar beberapa pegawai pelindung untuk dapatkan gambaran sebenar dan menyasiat kejadian terbabit.

Siasatan terperinci

“Saya tidak mahu menuduh pengusaha taska terbabit, namun sekiranya benar seperti ditunjukkan dalam gambar, kita ada undang-undang yang kukuh untuk mendakwa. Berikutan itu kita mahu siasat sebelum menjatuhkan hukuman,” katanya ketika mengulas kejadian sama

selepas Perhimpunan Bulanan kementerianya.

Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 yang dikuatkuasakan awal tahun ini sudah mengambil kira isu semasa berkaitan kanak-kanak seperti peningkatan kes kecuaiannya ibu bapa dan penjaga.

Antara lain, penalti dinaikkan bagi kesalahan mengikut Seksyen 31 iaitu perbuatan mendera, mengabaikan dan menganiaya kanak-kanak, apabila denda ditambah kepada RM50,000 berbanding RM20,000 sebelum ini dan hukuman penjara ditambah kepada 20 tahun berbanding 10 tahun sebelum ini, atau kedua-duanya sekali.

Rohani berkata, siasatan perlu dijalankan secara terperinci kerana berdasarkan kes sebelum ini, kebanyakan gambaran yang diberi tidak sama seperti dakwaan yang dibuat.



Keratan akhbar BH, semalam.

Gerakan terancang

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri program ceramah Datuk Ustaz Kazim Elias di Sekolah Menengah Kebangsaan Hutantan Melintang malam kelmarin, Zambry menganggap, tindakan syarikat itu sebagai sesuatu gerakan terancang dan akan berbincang dengan Kerajaan Persekutuan serta LLM untuk mengambil tindakan selanjutnya terhadap penipuan itu.

Beliau berkata, sebarang projek baharu lebuhraya hanya akan diluluskan Kerajaan Persekutuan yang kemudian akan memaklumkan kepada kerajaan negeri.

Mengulas pembabitan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, S Thangeswary, yang merasmikan projek berkenaan, Zambry berkata, Thangeswary masih baharu dan tidak mengetahui kedudukan sebenar.

“Mungkin mereka (wakil syarikat terbabit) datang dan beliau dijemput. Mungkin dengan niat baik dan sangka ia projek dalam Perak, lalu bertindak merasmikannya.

“Saya akan maklumkan kepada beliau sepatutnya mendapatkan pengesahan kerajaan negeri terlebih dahulu jika ada lagi projek sebegini,” katanya.



Saya sendiri menghubungi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahalan, yang menafikan projek itu diluluskan Unit Perancang Ekonomi (EPU)”

Zambry Abd Kadir, Menteri Besar Perak.